

07 MAY 1997

Mahathir-Anugerah (Bergambar)

MAHATHIR SUMBER INSPIRASI NEGARA MEMBANGUN

Oleh: E. Sivabalan

CAPE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Afrika Selatan hari ini menyampaikan anugerah tertingginya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diibaratkan sebagai "sumber inspirasi kepada negara-negara membangun" melalui kepimpinan cemerlang beliau di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Berkecuali (NAM) dan forum-forum antarabangsa lain.

Anugerah emas Order of Good Hope (Kelas Pertama) disampaikan kepada Perdana Menteri oleh Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela di sebuah majlis di "Genanenda", kediaman rasmi presiden di sini.

"Dalam konteks ini, beliau (Dr Mahathir) telah bersama Afrika Selatan dalam menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan," menurut ucap jasa mengenai anugerah itu yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Ucap jasa itu menyatakan anugerah itu yang disampaikan oleh Afrika Selatan merupakan penghormatan kepada warga negara lain yang melalui usaha peribadi mereka telah menyumbang kepada kesejahteraan rakyat Afrika Selatan yang harus diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Republik Afrika Selatan.

Ia diberikan kepada Dr Mahathir sebagai mengiktiraf sumbangan cemerlang beliau kepada usaha menggalakkan hubungan mesra dan saling menguntungkan antara kedua-dua negara.

Anugerah itu datang dua hari selepas Dr Mahathir diberi penghormatan sebagai pemimpin bukan Afrika yang tunggal untuk memberi ucapan mengenai perkongsian bestari di Dialog Antarabangsa Afrika Selatan yang pertama kali diadakan dan dihadiri oleh 12 pemimpin Afrika di Kasane, Botswana.

Afrika Selatan juga memberi penghormatan kepada Perdana Menteri yang telah lama menyokong perjuangan demokrasi rakyat Afrika Selatan dan telah membuat sumbangan penting kepada perjuangan di arena antarabangsa.

"Beliau merupakan ketua kerajaan pertama untuk mengucapkan tahniah secara peribadi kepada Presiden Mandela atas pelantikan beliau sebagai Presiden Afrika Selatan pada 1994, and sejak itu telah berusaha mewujudkan hubungan persahabatan yang rapat antara rakyat Afrika Selatan dan Malaysia," menurut ucap jasa itu lagi.

Dr Mahathir juga merupakan "pejuang yang gigih dan konsisten bagi penglibatan yang lebih bermakna" oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia dalam ekonomi Afrika Selatan.

"Sebahagian besar kerana komitmen peribadi dan keyakinan beliau dalam masa depan Afrika Selatan, Malaysia dalam tempoh singkat tiga tahun telah menjadi negara pelabur keempat terbesar di Afrika Selatan dan rakan dagang utama yang menyediakan peluang pekerjaan dan taraf kehidupan yang lebih baik bagi ramai rakyat negara itu," menurutnya lagi.

Afrika Selatan juga menyanjungi Dr Mahathir kerana memulakan dan melaksanakan dengan jayanya program yang memberikan peluang saksama dan pengiktirafan kepada mereka yang ketinggalan dalam masyarakat berbilang kaum dan pada masa yang sama mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

"Hari ini ia menjadi teladan kepada Afrika Selatan yang terlibat dalam proses yang lebih kurang sama," menurutnya lagi.

Anugerah hari ini merupakan anugerah antarabangsa keempat yang diterima oleh Dr Mahathir sejak Disember lepas. Pada 20 Disember tahun lepas, beliau menerima anugerah Jawaharlal Nehru daripada kerajaan India sementara pada 23 Mac lepas beliau menerima anugerah Raja Faisal kerana sumbangannya kepada Islam oleh kerajaan Saudi.

Dan pada 6 April lepas, Dr Mahathir menerima anugerah "Mubarak Al

Kabir" daripada kerajaan Kuwait kerana peranannya sebagai seorang pemimpin negara Islam. --BERNAMA

ES PR